


KAEDAH PENYUSUNAN TEMPAT DUDUK BAGI MAJLIS JAMUAN MAKAN


Kedudukan Tetamu Kehormat dan Tuan Rumah Suami Isteri



Rajah 2.1

Rajah 2.1 menunjukkan meja khas yang jemputannya ialah suami isteri dan taraf atau status tetamu kehormat dan tuan rumah lebih kurang sama, maka tetamu kehormat itu hendaklah duduk di sebelah kanan tuan rumah dan diapit oleh isteri masing-masing yang berselang.


Suami Isteri Duduk Berjauhan dan Berselang



Rajah 2.2

Rajah 2.2 menunjukkan kedudukan bagi tetamu lain yang duduk di meja khas, suami isteri hendaklah duduk berjauhan dan berselang. Dalam kedudukan tertentu, suami isteri boleh diatur dengan secara duduk bersebelahan kecuali kedudukan tetamu kehormat dan isterinya serta tuan rumah dan isterinya.


Wanita Tidak Duduk di Hujung Meja Khas



Rajah 2.3

Rajah 2.3 menunjukkan bilangan (10) ialah lelaki dan bilangan (12) ialah perempuan dan ini boleh ditukar iaitu bilangan (10) berpindah ke bilangan (12) dan bilangan (12) berpindah ke bilangan (10). Andainya perbezaan status mereka terlampau tinggi, maka hendaklah dikekalkan susunannya. Pertukaran hanya dibuat apabila status mereka lebih kurang sama.


Suami Isteri Bersebelahan



Rajah 2.4

Rajah 2.4 menunjukkan susunan suami isteri secara bersebelahan. Angka menunjukkan susunan keutamaan.


Suami Isteri Berhadapan dan Bersebelahan



Rajah 2.5

Rajah 2.5 menunjukkan susunan tempat duduk diatur suami isteri berhadapan dan berselang. Angka menunjukkan susunan keutamaan. Di meja khas elakkan wanita duduk di hujung meja.


Kedudukan Tuan Rumah bagi Jemputan Seorang



Rajah 2.6

Kedudukan seperti rajah 2.6, tuan rumah hendaklah duduk di sebelah kiri tetamu utama, atau dalam lain perkataan tetamu utama hendaklah duduk di sebelah kanan tuan rumah. Sama ada bilangan ganjil atau genap prinsipnya adalah sama. Ini bagi jemputan seorang, tanpa isteri atau suami.


Kedudukan Tetamu Seramai Sepuluh Orang



Rajah 2.7

Walaupun meja utama bilangan tetamunya dihadkan kepada lapan orang, kadangkala keadaan memaksa untuk menempatkan seramai 10 orang maka susunannya adalah seperti rajah 2.7.


Susunan Tetamu bagi Angka Ganjil Seramai Sembilan Orang



Rajah 2.8

Untuk jempunan seorang dan bilangan adalah berangka ganjil iaitu seramai sembilan orang tetamu maka susunan tetamu di meja bulat adalah seperti rajah 2.8.

Jemputan Suami Isteri




Rajah 2.9

Rajah 2.9 menunjukkan jika jemputan suami isteri maka susunan tempat duduk boleh diatur dengan meletakkan isteri duduk bersebelahan suaminya.

- (1) Tetamu Utama
- (2) Tuan Rumah
- (3) Isteri Tetamu Utama
- (4) Isteri Tuan Rumah


Tetamu Utama Lebih Tinggi daripada Tuan Rumah



Rajah 3.0

Rajah 3.0 merupakan dalam keadaan di mana tetamu utama lebih tinggi kedudukannya berbanding dengan tuan rumah, maka tetamu utama duduk bersebelahan isterinya. Tuan rumah duduk di sebelah kanan tetamu utama manakal isteri tuan rumah duduk di sebelah kiri isteri tetamu utama.

Tetamu Utama Setaraf dengan Tuan Rumah




Rajah 3.1

Rajah 3.1 menunjukkan tetamu utama duduk di sebelah kanan tuan rumah manakala isteri tuan rumah duduk di sebelah kanan tetamu utama dan isteri tetamu utama duduk di sebelah kiri tuan rumah.


Kedudukan Isteri di Meja Utama

1. Isteri duduk bersebelahan suami




Rajah 3.2

2. Isteri duduk bersebelahan suami



Rajah 3.3


3. Isteri duduk bersilang



Rajah 3.4


Meja Tetamu yang Berhampiran dengan Meja Utama

1. Isteri duduk bersebelahan suami masing-masing




Rajah 3.5

2. Isteri duduk bersebelahan suami masing-masing




Rajah 3.6

3. Isteri duduk bersilang dengan suami masing-masing



Rajah 3.7

Susunan Keutamaan Meja (Tiga Meja)



Rajah 3.8

Dimulakan dari meja sebelah kanan meja tetamu utama, kemudian sebelah kiri, berbalik kanan dan seterusnya. Meja yang terkanan selepas meja utama ialah meja (1) dan diikuti dengan meja (2).